

# BUKU PROGRAM

*Pertandingan Debat Perpaduan dan  
Integrasi Nasional Antara IPT*  
**2010**  
*16-20 Oktober 2010*



Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional  
Jabatan Perdana Menteri



**MAJLIS  
DEBAT  
UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAYSIA**



Kerajaan Negeri Perlis



**MACUM**  
MAJLIS AKADEMIK DAN CENDEKIA UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



**Pertandingan  
Debat Perpaduan  
Dan  
Integrasi Nasional  
Antara  
Institusi Pengajian Tinggi 2010**

**16 – 20 Oktober 2010  
Universiti Malaysia Perlis**



Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional  
Jabatan Perdana Menteri

## Negaraku

Negaraku  
Tanah Tumpahnya Darahku  
Rakyat Hidup  
Bersatu Dan Maju

Rahmat Bahgia Tuhan Kurniakan  
Raja Kita Selamat Bertakhta

Rahmat Bahgia Tuhan Kurniakan  
Raja Kita Selamat Bertakhta





**MAJLIS**  
MAJLIS KERATINAN DAN SERTAKAN NATIONALE



Kerajaan Negeri Perlis



## **Lima Prinsip Rukun Negara**

Lima Prinsip Rukun Negara  
Harus Menjadi Cara Hidup Kita  
Bukan Sekadar Ikrar Sahaja  
Sekali Sekala Dibaca Semata

Lima Prinsip Rukun Negara  
Telah Menjadi Teras Perpaduan  
Membentuk Satu Negara  
Tanpa Mengira Agama Dan Bangsa

Amalkanlah Rukun Negara  
Dalam Hidup Harian Kita  
Tanpa Mengira Tua Muda  
Mengekalkan Warisan Kita

Lima Prinsip Rukun Negara  
Telah Menjadi Teras Perpaduan  
Membentuk Satu Negara  
Tanpa Mengira Agama Dan Bangsa

Lima Prinsip Rukun Negara  
KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NE-  
GARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Itulah Lima Prinsip Rukun Negara

## **Perpaduan Bangsa**

Persefahaman dan saling percaya  
Hormat hormati dan bekerja sama  
Padukan azam kita dengan tegas  
Bersatu jujur setia  
Tumpahkan jasa dan pengorbanan  
Bersatu membumbung cita

Marilah jayakan wawasan perpaduan bangsa  
Reformasi murni gagasan perpaduan bangsa  
Jujur dan setia pada bangsa dan Negara  
Hala tuju kita satu Malaysia

Satu impian dan satu harapan  
Satu suara dan satu laungan  
Semarak cinta hidup sentosa  
Dibawah satu bendera  
Hayati prinsip rukun Negara  
Laungan keramat kita

Marilah jayakan wawasan perpaduan bangsa  
Reformasi murni gagasan perpaduan bangsa  
Jujur dan setia pada bangsa dan Negara  
Hala tuju kita satu Malaysia

Marilah jayakan wawasan perpaduan bangsa  
Reformasi murni gagasan perpaduan bangsa  
Jujur dan setia pada bangsa dan Negara  
Hala tuju kita satu Malaysia..perpaduan bangsa...satu Malaysia



Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional  
Jabatan Perdana Menteri

## **JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL JABATAN PERDANA MENTERI**

### **Visi**

Menjadi sebuah agensi kerajaan yang unggul dalam melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu padu, berwawasan dan berdaya maju.

### **Misi**

Memupuk kesefahaman dan toleransi melalui jalinan hubungan dan interaksi sosial ke arah pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan beridentiti nasional.

### **Objektif**

Memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar kerajaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

### **Moto**

Bersatu Kita Maju



## **Objektif**

### **PERTANDINGAN DEBAT PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL ANTARA IPT 2010**

- a) Menjana keupayaan berfikir mahasiswa secara kritis dan analitis serta mampu mengutarakan idea/hujah yang bernalas tentang isu-isu perpaduan negara dan integrasi nasional.
- b) Menyemai serta memperkuuhkan semangat perpaduan, patriotisme serta jati diri di kalangan mahasiswa.
- c) Menggalakkan perkongsian bijak (smart-partnership) antara Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional dengan IPTA, IPTS serta agensi-agensi Kerajaan yang lain dalam penganjuran aktiviti/program perpaduan dan integrasi nasional.



Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional  
Jabatan Perdana Menteri

**Sekapur Sirih**

**Y.A.B. MENTERI BESAR PERLIS**



.Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh & Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengajur kerana memberi peluang kepada saya untuk merakamkan sepatah dua kata di dalam buku program ini sempena Pertandingan Debat Perpaduan dan Integrasi Nasional Antara Institusi Pengajian Tinggi 2010. Syabas saya ucapan kepada semua pihak yang terlibat, khususnya Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) serta Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Timbalan-Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) IPTA.

Perpaduan telah menjadi misi nasional kita sejak merdeka lagi. Ia merupakan tonggak Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan dasar pembangunan Negara sehingga sekarang. Perpaduan dan integrasi nasional amat penting bagi sebuah Negara yang berbilang kaum dan pelbagai agama seperti Malaysia. Tanpa perpaduan dan integrasi nasional yang padu, Negara dan masyarakat boleh menjadi kucar kacir dan punah sama sekali. Cukuplah pengalaman 13 Mei 1969 mengajar kita. Kesedaran betapa pentingnya perpaduan dan integrasi dipertahankan bagi memastikan Negara terus membangun dan rakyat terus maju.

Kerajaan Negeri Perlis turut memainkan peranan bagi mewujudkan perpaduan di kalangan rakyatnya. Banyak usaha dan strategi dilaksanakan untuk memupuk perpaduan semua kaum termasuk dikalangan pelajar-pelajar IPT. Berdebat secara intelektual dan terkawal adalah digalakkan di dalam kampus. Justeru, saya amat mengalu-alukan pertandingan debat seumpama ini. Keupayaan berhujah dengan objektif dan lancar adalah satu aspek kemahiran insaniah yang ingin kita terapkan pada pelajar dalam gagasan melahirkan modal insan yang berkualiti.

Akhir kata, saya berharap pertandingan debat ini bukan sahaja dapat melahirkan pendebat yang hebat, malah yang lebih penting supaya semua pelajar IPT dapat menghargai dan mengukuhkan perpaduan dan integrasi sebagai matlamat pembangunan Negara yang tercinta. Wassalam.

**(DATO' SERI DR. MD. ISA BIN SABU)**



**MA DUM**  
MAJLIS DEBAT UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAYSIA



## **Seulas Pinang**

### **Y.B. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**



Salam Perpaduan & Salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integarsi Nasional (JPNIN) Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama erat daripada Kerajaan Negeri Perlis, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM), kerana dapat menganjurkan Pertandingan Debat Perpaduan dan Integrasi Nasional antara IPT bagi Tahun 2010.

Sepanjang pertandingan ini, pelbagai isu perpaduan dan integrasi nasional akan diperdebatkan, adalah diharapkan tahap persefahaman dan suasana hubungan kaum di kalangan para peserta dari IPT-IPT akan dapat dipacu ke satu tahap yang lebih kukuh dan mantap dan sekali gus, pelajar-pelajar ini akan dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam menyemai dan menyemarakkan semangat perpaduan di kalangan pelajar di IPT masing-masing.

Negara tercinta ini telahpun menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-53 pada 31 Ogos yang lalu dan jelas sekali, perpaduan antara kaum merupakan paksi utama kearah merealisasikan pembinaan Negara Bangsa yang berdaulat. Perpaduan dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia tidak akan dapat dicapai dalam masa yang singkat, sebaliknya ia harus dipupuk dan diperkuatkan berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan, Prinsip-prinsip Rukun Negara, sebagai asas kenegaraan. Dengan keyakinan terhadap asas inilah, negara kita akan dapat memacu kemajuan serta menyatupadukan masyarakat. Perdebatan secara sihat merupakan salah satu cara untuk menambah ilmu dan seterusnya boleh menjadi pemangkin ke arah merealisasikan Gagasan 1Malaysia serta menjayakan Wawasan 2020.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, khususnya kepada Kerajaan Negeri Perlis, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) serta semua pihak yang terlibat kerana berganding bahu menjayakan program ini. Semoga komitmen ini akan berterusan ke arah menjana semangat perpaduan dan integrasi nasional.

Salam Perpaduan, Salam 1 Malaysia..

**(Y.B. SENATOR TAN SRI DR. KOH TSU KOON)**



Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional  
Jabatan Perdana Menteri



## Seungkap Bicara

### Y.B. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengajur kerana memberi peluang kepada saya mencoret sepatah dua kata didalam buku program sempena Pertandingan Debat Perpaduan dan Integrasi Nasional Antara Institusi Pengajian Tinggi 2010. Diucapkan syabas kepada semua pihak terbabit, khususnya Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Jabatan Perdana Menteri, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) serta Majlis Debat Universiti (MADUM), kerana berjaya menganjurkan program ini.

Syukur alhamdulillah, kerana dengan izinNya juga , Pertandingan Debat Perpaduan dan Integrasi Nasional Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2010 dapat dilaksanakan buat pertama kalinya di Negeri Perlis Indra Kayangan.

Bagi pihak Kerajaan Negeri saya berasa amat gembira kerana pihak pengajur memilih negeri Perlis selaku tuan rumah bagi menjayakan Pertandingan Debat Perpaduan dan Integrasi Nasional antara Institut Pengajian Tinggi tahun 2010. Oleh kerana itu kami pihak Agensi Kerajaan Negeri Perlis dan Kerajaan Persekutuan Negeri Perlis dengan sedaya upaya berusaha memberi kerjasama dan komitmen agar Pertandingan ini menjadi satu sejarah dan kenangan kepada warga Negeri Perlis amnya dan seluruh Negara amnya.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan terima kasih kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Jabatan Perdana Menteri, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Majlis Debat Universiti-Universiti (MADUM) yang telah sudi menjadi pengajur bersama pertandingan pada kali ini, serta tidak lupa kepada semua pihak yang telah berusaha keras untuk membantu menjayakan usaha murni ini.

Sesungguhnya perpaduan kaum harus dipertahankan kerana ianya asas kepada kejayaan Gagasan 1 Malaysia.  
Sekian.

**(DATO' AZIZAN BIN HAMID)**



**MADUM**  
MAJLIS DEBAT UNIVERSITI-UNIVERSITI



## Seindah Bahasa

### KETUA PENGARAH

### JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Salam Sejahtera & Salam Perpaduan.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya juga , Pertandingan Debat Perpaduan dan Integrasi Nasional Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2010 dapat dilaksanakan pada tahun ini.

Pertandingan Debat Perpaduan dan Integrasi Nasional Antara IPT 2010 adalah merupakan kali keenam dianjurkan. Justeru, melalui pertandingan ini, adalah menjadi hasrat Jabatan ini untuk menggalakkan mahasiswa mengkaji serta memahami isu-isu semasa yang berkaitan dengan perpaduan dan integrasi nasional dan sekaligus dapat meningkatkan kesedaran dan keinsafan mereka tentang betapa pentingnya perpaduan kaum dipupuk dan dipertahankan.

Di samping itu, melalui pertandingan ini juga, pihak Jabatan ingin menerapkan semangat penyatuhan dan kerjasama antara kaum dengan menetapkan syarat kelayakan penyertaan di mana setiap pasukan yang bertanding mestilah terdiri daripada berbilang kaum. Alhamdulillah, objektif Jabatan ke arah tersebut telah mendapat sokongan padu daripada semua pihak yang terlibat. Semoga agenda perpaduan akan terus dimartabatkan ke arah mencapai Gagasan 1 Malaysia serta Wawasan 2020.

Akhir kata, sekulung budi sejungung penghargaan khususnya kepada Kerajaan Negeri Perlis, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Majlis Debat Universiti-Universiti (MADUM) yang telah sudi menjadi pengaju bersama pertandingan pada kali ini, serta tidak lupa kepada semua pihak yang telah berusaha keras untuk membantu menjayakan usaha murni ini. Semoga hubungan erat dan perkongsian bijak ini akan berterusan serta dapat dipertingkatkan pada masa-masa yang akan datang. Adalah diharapkan semoga tanggungjawab memelihara dan memperkuatkannya perpaduan kaum sentiasa dikongsi bersama dengan agensi-agensi yang lain. Bagi pihak seluruh warga Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang sentiasa memberikan sokongan yang padu dan komitmen yang tinggi dalam memastikan program ini dapat berjalan dengan lancar dan sempurna dari awal hingga akhir.

Salam Perpaduan,

**(DATO' AZMAN AMIN BIN HASSAN)**



01.00 - 01.55 ptg  
01.55 - 02.00 ptg  
02.00 - 02.30 ptg  
**02.30 - 04.00 ptg**  
04.00 - 04.30 ptg  
04.30 ptg - 07.00 mlm  
  
07.00 - 08.00 mlm  
08.00 - 10.00 mlm  
10.00 - 10.30 mlm  
10.30 mlm

- Rehat / Makan Tengahari / Solat  
Undian Tajuk  
Tempoh Persediaan Pertandingan  
**Pertandingan Saringan (Sesi Ke-6)**  
Minum Petang  
Pulang Ke Tempat Penginapan  
Urus Diri  
Rehat / Makan Malam / Solat  
Latihan Sendiri Pasukan Debat  
Minum Malam  
Urus Diri

## HARI KEEMPAT (SELASA, 19 OKTOBER 2010)

07.00 - 07.45 pg  
07.45 - 8.00 pg  
  
**08.00 - 9.30 pg**  
9.30 - 9.55 pg  
9.55 - 10.00 pg  
10.00 - 10.30 pg  
10.30 - 1-02.00 ptg  
2.30 ptg

- Sarapan Pagi/ Bertolak ke Lokasi Pertandingan  
Taklimat Ringkas Peserta, Undian Tajuk & Taklimat Ringkas Panel Hakim (Suku Akhir & Separuh Akhir)  
**Pertandingan Suku Akhir (4 Pertandingan)**  
- Minum  
- Undian Tajuk  
- Tempoh Persediaan Pertandingan  
- Rehat / Makan Tengahari / Solat  
Program Lawatan Jalinan Integrasi  
(pasukan yang tidak layak ke pertandingan akhir)  
\* Lokasi lawatan: Galeri Di Raja Arau, Kilang Gula Chuping dan Padang Besar, Perlis.  
(lawatan ke Padang Besar bergantung kepada kesempatan waktu)  
Raptai Pertandingan Akhir  
(Pasukan yang layak ke pertandingan akhir wajib mengikuti sesi raptai ini)



06.00 - 07.00 mlm

- Rehat / Makan Malam

08.30 - 10.00 mlm

- Persediaan & Latihan Pasukan Pertandingan Akhir

10.00 - 10.30 mlm

- Minum Malam

10.30 mlm

- Urus Diri

### **HARI KELIMA (RABU, 20 OKTOBER 2010)**

07.00 - 08.00 pg

- Sarapan Pagi / Persiapan untuk Check-out

8.00 pg - 12.30 tgh

- Majlis Perasmian & Pertandingan Akhir Debat Perpaduan & Integrasi Nasional Antara IPT 2010

01.00 ptg

- Makan Tengahari & Bersurai



## Aturcara

### "MAJLIS PERASMIAN & PERTANDINGAN DEBAT PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL ANTARA IPT 2010"

**Tarikh** : **20 Oktober 2010**  
**Tempat** : **Dewan 2020, Kangar, Perlis**

- |           |   |
|-----------|---|
| 9.00 pagi | - Peserta mengambil tempat  |
| 9.10 pagi | - Ketibaan para jemputan & tetamu kehormat  |
| 9.15 pagi | - Ketibaan Y.Bhg. Brig. Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamaruddin bin Hussin,<br>Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)                   |
| 9.20 pagi | - Ketibaan Y.Bhg. Dato' Azman Amin bin Hassan,<br>Ketua Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional,<br>Jabatan Perdana Menteri |
| 9.25 pagi | - Ketibaan Y.B. Dato' Azizan bin Hamid,<br>Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis  |
| 9.30 pagi | - Ketibaan Y.B. Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon,<br>Menteri Di Jabatan Perdana Menteri   |
|           | - Nyanyian Lagu :   |
|           | - Negaraku  |
|           | - Lima Prinsip Rukun Negara   |
|           | - Gimik Pertandingan  |
|           | - Pertandingan Akhir Debat Perpaduan dan Integrasi Nasional Antara IPT 2010<br>dimulakan  |



**MAIAMP**  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERLIS



Kementerian Pelajaran Negeri Perlis



- Persembahan Kebudayaan
- Bacaan Doa
- Ucapan Aluan oleh Y.B. Dato' Azizan bin Hamid,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
- Ucapan Perasmian oleh Y.B. Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon,  
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri
- Majlis Penyampaian Hadiah & Cenderahati
- Finale - Lagu Perpaduan Bangsa
- Jamuan
- Besurai

1.00 t/hari